

24/01/2000

IT: Kemajuan Cyberjaya bukti kemampuan negara

Khairul Anuar Abdul Samad

PADA awal penubuhan projek Koridor Raya Multimedia (MSC), pelbagai pihak mengkritik sinis dengan menyifatkan ia adalah projek yang dianggap membazirkan wang negara. Malah majalah Business Week keluaran 22 Februari 1999 mengkritik projek MSC yang dikatakan angan-angan yang tidak berpijak di bumi nyata, selain menyimpulkannya sebagai gagal dan tiada mempunyai daya tarikan untuk menarik pelabur asing.

Ada yang mengatakan projek itu untuk kepentingan pihak tertentu saja. Tetapi kini, impian sudah menjadi kenyataan apabila projek fizikal yang juga menjadi nadi kepada kemajuan MSC, Cyberjaya, berjaya dilaksana serta dilancarkan lebih awal daripada jangkaannya.

Cyberjaya yang menjadi nadi pembangunan perisian dan aplikasi multimedia dalam hub MSC disiapkan hanya dalam tempoh tidak sampai tiga tahun dan kini menempatkan banyak syarikat multinasional dan tempatan. Oleh itu, pencapaian sehingga kini jelas membuktikan keupayaan Malaysia membangunkan prasarana fizikal dan struktur maklumat MSC pada kadar yang amat pantas.

Keunggulan MSC turut menjadi kunci kepada kemajuan Cyberjaya yang menjadi tapak pelaburan penting kepada syarikat IT utama dunia seperti Sun Microsystems, Microsoft Corp., Hewlett-Packard Co. (HP), Acer Inc. (Acer) dan Silicon Graphic World Trade Corp.

Bekas Ketua Eksekutif HP, Datuk Lewis Platt, berkata Malaysia sudah melaksanakan perancangan industri IT yang terbaik dari segi dasar dan prasarannya. Melihat apa yang dipertonton serta komitmen yang ditonjolkan kerajaan, "kami yakin terhadap masa depan MSC."

Ketua Eksekutif Acer, Datuk Dr Stan Shih, juga turut kagum dengan pencapaian yang dinikmati melalui komponen utama MSC iaitu Cyberjaya.

"MSC sedang berkembang pada kadar yang baik dengan banyak syarikat besar mengambil bahagian dalam projek itu sekali gus memberi perkembangan positif pada Cyberjaya," katanya.

Selaras dengan kemajuan MSC, Cyberjaya terus menjadi komponen penting kepada MSC khususnya dengan tersedianya prasarana termaju terutama sistem telekomunikasi jalur lebar canggih yang sekali gus memenuhi keperluan telekomunikasi syarikat yang beroperasi di situ.

Kini kebanyakan syarikat di Cyberjaya sudah mula beroperasi yang mana dari Januari 1997 hingga kini, sudah membabitkan pelaburan RM1.19 bilion dan ini mampu menjana perolehan kira-kira RM4 bilion di samping keuntungan sebanyak RM600 juta serta memanfaatkan tenaga kerja berilmu seramai 10,000 pekerja.

Cyberjaya kini menjadi antara bandar raya pintar di dunia dengan keluasan kira-kira 7,000 hektar, akhirnya berjaya menyangkal kenyataan tidak berasas pengkritik MSC. Kritikan adalah cabaran permulaan kepada negara khususnya MSC. Cabaran lebih hebat menanti negara dengan pembentukan Cyberjaya ialah menghasilkan produk yang mendapat pengiktirafan dunia dan dijadikan asas mutu dalam industri multimedia.

Bandar raya multimedia dan pintar pertama Malaysia itu yang sekali gus menjadi nadi pembangunan teknologi tinggi negara mampu mewujudkan persekitaran paling ideal serta menarik kepada syarikat bertaraf dunia memanfaatkannya.

Dengan penyediaan prasarana telekomunikasi canggih di Cyberjaya seperti sistem rangkaian telekomunikasi termaju dengan keupayaan 2.5 hingga 10 Gigabit sesaat (Gbps), bandar raya itu mampu memenuhi keperluan pelbagai sektor terutama perniagaan.

Ketika melancarkan bandar raya itu tahun lalu, Perdana Menteri, Dr Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan keyakinan bahawa Cyberjaya dapat menyediakan peluang kepada syarikat tempatan untuk mewujudkan kerjasama strategik dengan syarikat global bagi menerokai bidang pembangunan kandungan khususnya dalam memenuhi keperluan masyarakat Asia Pasifik.

Walaupun banyak negara sudah mewujudkan hub IT mereka selain menjadi saingan kepada MSC seperti tapak hub Cyberport di Hong Kong dan Singapore One di Singapura, kecanggihan Cyberjaya yang menjadi komponen penting Koridor Raya Multimedia (MSC) dikatakan dapat bersaing dengan projek mega negara terbabit.

Menurut Ketua Eksekutif British Telecom, Peter Bonfield, MSC dengan nadi utamanya iaitu Cyberjaya berada jauh ke hadapan berbanding tapak hub di Singapura dan Hong Kong.

Beliau menegaskan, apa yang dicapai melalui kewujudan MSC dan bandar raya pintar itu dalam tempoh terdekat begitu mengkagumkan selain banyak yang sudah dicapai dalam tempoh singkat. Kehadiran projek teknologi saingan MSC tidak akan menggugat kedudukan MSC.

Dr Mahathir berkata, hub IT negara terbabit mempunyai sesuatu untuk ditawarkan "tetapi kita mempunyai kelebihan persaingan serta beberapa aspek lain dan kita ingin menjalin kerjasama dengan hub lain." Beliau menegaskan bahawa industri ini (IT) sangat besar dan tiada seorang yang boleh memonopolinya malah wujud ruang perniagaan untuk semua.

Kejayaan ini terus meyakinkan banyak syarikat antarabangsa untuk terus menjadi penyokong kepada perkembangan Cyberjaya dan sekali gus membantu Malaysia merealisasikan wawasannya menjadi hub utama IT rantau ini.

Di samping menyediakan kemudahan kepada pelabur, Dr Mahathir juga menegaskan bahawa Cyberjaya akan juga memainkan peranan penting membentuk kewibawaan dan kemampuan generasi muda untuk bersaing dalam arena global. Menurutnya, pembukaan rasmi Cyberjaya membuktikan kejayaan kerjasama antara sektor awam dan swasta di samping membuktikan pelaksanaan projek MSC tidak terjejas walaupun ketika kegawatan ekonomi.

Apa yang pasti, pembinaan Cyberjaya melalui daya usaha MSC dapat menyumbang kepada pembangunan dan pembentukan masyarakat multimedia serta berteknologi maklumat di negara ini serta di seluruh dunia selain membantu rantau ini menghadapi cabaran era maklumat, ujarnya. Cyberjaya yang mendapat jolokan Lembah Silikon Malaysia dan terletak 40 kilometer di selatan Kuala Lumpur turut memantapkan pentadbirannya dengan menyediakan majlis perbandaran siber dikenali dengan Pusat Kawalan Bandar Raya Megajaya (CCC).

Pusat ini akan menjadi nadi mengawal, mengurus dan memantau segala kegiatan di Cyberjaya menggunakan aplikasi teknologi maklumat (IT) bagi memastikan perniagaan, perdagangan dan penduduk memperolehi perkhidmatan bersepadu. Kewujudan pusat pentadbiran siber ini untuk membuktikan komitmen kerajaan dalam menyediakan kaedah pentadbiran termaju dan membolehkan syarikat terbabit dalam Cyberjaya menjalani operasi harian dengan selesa dan produktiviti yang tinggi.

Perkembangan positif yang dinikmati melalui pembentukan Cyberjaya serta kerjasama diberikan oleh syarikat terbabit di dalamnya sekali gus membuktikan iltizam Malaysia dalam mewujudkan sebuah negara unggul IT rantau ini.

Walaupun pada pandangan mata kasar, Cyberjaya masih jauh untuk menyaingi keupayaan Lembah Silikon di Amerika Syarikat tetapi sokongan dan kemasukan syarikat utama IT antarabangsa mampu memangkinkan hasrat negara menjadi negara unggul IT rantau ini, satu kenyataan.

(END)